

Enakmen A 63

BETA BERSETUJU,



t.t.
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

.....
Sultan Terengganu

15.07.2019
.....

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut :

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 5

2. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En. Tr. 2/2001*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

“Pelantikan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Timbalan Pesuruhjaya dan Setiausaha Majlis

5. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melantik seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Timbalan Pesuruhjaya dan seorang Setiausaha kepada Majlis bagi menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang ditetapkan oleh Majlis dan Enakmen ini.”.

Pindaan seksyen 8

3. Perenggan 8(1)(d) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah” dengan perkataan “Ketua Pendakwa Syarie”.

Pindaan seksyen 9

4. Seksyen 9 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut –

“(1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha bagi Majlis.”.

Pindaan seksyen 29

5. Seksyen 29 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 84

6. Seksyen 84 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “Pelantikan” perkataan “dan penamatan”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “bagi tiap-tiap masjid dalam Negeri Terengganu” perkataan “dan Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah, menamatkan pelantikan tersebut pada bila-bila masa atas apa-apa sebab yang difikirkannya wajar.”.

[SUK.TR.(R) 6/60; PUN.TR.(S) 250/5]